

Rujukan kami : MADANIRAKYAT/17/2025

**PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PUSAT MEDIA DAN PENDAFTARAN MEDIA
SEMPENA PROGRAM MADANI RAKYAT 2025 KELANTAN
“SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (STI) UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT”**

Adalah dimaklumkan bahawa Program MADANI Rakyat 2025 Kelantan “Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Untuk Kesejahteraan Rakyat” akan berlangsung bermula 7 hingga 9 Ogos 2025 di Pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan. Waktu program adalah seperti berikut:

7 Ogos 2025 (Khamis)	: 9:00 pagi hingga 9:00 malam
8 Ogos 2025 (Jumaat)	: 9:00 pagi hingga 9:00 malam
9 Ogos 2025 (Sabtu)	: 9:00 pagi hingga 5:00 petang

Sehubungan itu, pengamal media adalah dialu-alukan untuk menggunakan kemudahan pusat media yang disediakan bertempat di:

Tempat : Pusat Media, Tapak Program PMR 2025 Kelantan, Pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan (berhadapan dengan bangunan Kelantan Trade Center).

Untuk makluman jua, pendaftaran media dan penyerahan pass media akan turut dibuat di Pusat Media. Petugas media dimohon untuk melengkapkan pendaftaran media melalui pautan berikut: **<https://shorturl.at/ZwWQm>**

Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi **Encik Aniq Harith (014-932 1557) & Puan Nur Amirah Abd Rani (016-530 2613)**.

Sekian, terima kasih.

Urus Setia Pusat Media
Program MADANI Rakyat 2025 Kelantan
“Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Untuk Kesejahteraan Rakyat”
6 Ogos 2025

**PANDUAN BAGI PENGAMAL MEDIA PUSAT MEDIA
PROGRAM MADANI RAKYAT 2025 KELANTAN
“SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (STI) UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT”**

1. Pengamal media perlu **membuat pendaftaran** di pautan berikut :
<https://shorturl.at/ZwWQm>.
2. Pengamal media amat dialu-alukan untuk membuat liputan sepanjang tiga hari program berlangsung di Pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan.
3. Hanya pengamal media yang **memakai Kad Perakuan Media (KPM) sahaja** yang dibenarkan menggunakan kemudahan Pusat Media Program MADANI Rakyat 2025 Kelantan.
4. Pemakaian KPM yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia **turut diwajibkan sepanjang pengamal media membuat liputan** di sekitar kawasan tapak program.
5. Bagi kesesuaian pengamal media, pihak urus setia menyediakan ruang kerja yang selesa dengan kemudahan seperti talian Internet dan lain-lain.
6. Pengamal media dimohon untuk sentiasa menjaga kebersihan di Pusat Media.

Oleh itu, semua pengamal media dijemput hadir untuk menggunakan kemudahan yang disediakan di Pusat Media tersebut.

Disediakan oleh:

Urus Setia Pusat Media

Program MADANI Rakyat 2025 Kelantan

“Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Untuk Kesejahteraan Rakyat

LAMPIRAN A

PELAN LOKASI DAN KEDUDUKAN PUSAT MEDIA
PROGRAM MADANI RAKYAT 2025 KELANTAN
“SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (STI) UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT”



Nota : Lokasi Pusat Media terletak bersebelahan dengan Khemah Pentas Utama dan berhadapan dengan Kelantan Trade Center (KTC)